

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN POSTING
ALTERNATIF:

PERUBATAN
KECEMASAN
(ED)

14 JUN 2010



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Kami :KKM/87/P2-1/14-i (41)
Tarikh : 14 JUN 2010

Semua Pengarah
Hospital Latihan Siswazah

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN LATIHAN DAN WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS) DI JABATAN PERUBATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita sebagaimana Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, surat pekeliling KPK bil. 11/2007 menyatakan bahawa semua PPS lantikan tahun 2008 perlu menjalani latihan siswazah selama 2 tahun di enam posting utama termasuklah posting di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma. Oleh kerana penempatan PPS di jabatan ini baru sahaja diperkenalkan, maka pelaksanaannya perlu dimantapkan misalnya menerusi penyeragaman waktu bekerja di semua hospital latihan siswazah.
3. Susulan dari itu, bagi memastikan objektif latihan siswazah di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma dapat dicapai, maka Lembaga Kelayakan Perubatan telah memutuskan supaya waktu bekerja PPS di jabatan ini dilaksanakan mengikut Waktu Bekerja Berperingkat (*modified working hours*) dan diseragamkan. Bersama ini disertakan tatacara pelaksanaan latihan dan waktu bekerja berkenaan (Lampiran I).
4. Sehubungan dengan itu, sukcita Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan mengedarkan tatacara ini kepada Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma di hospital masing-masing untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri.....

○)

○

**TATACARA PELAKSANAAN LATIHAN DAN WAKTU BEKERJA BAGI
PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH
DI JABATAN PERUBATAN KECEMASAN DAN TRAUMA**

1. Tujuan :

- 1.1 Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma terutama mengenai waktu bekerja (*working hours*).

2. Latar Belakang :

- 2.1 Surat Pekeliling KPK Bil. 11/2007 telah menetapkan bahawa semua PPS perlu menjalani latihan selama dua tahun di enam penempatan (*posting*) termasuklah penempatan di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma dengan tempoh minima selama 4 bulan di setiap penempatan.
- 2.2 Terdapat perbezaan dalam amalan waktu bekerja di Jabatan Perubatan dan Trauma antara satu hospital dengan hospital lain.
- 2.3 Lembaga Kelayakan Perubatan yang bersidang pada 1hb. Mac 2010 telah memutuskan bahawa atas kepentingan latihan siswazah dan perkhidmatan, maka waktu bekerja PPS di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma semua hospital latihan siswazah diseragamkan dengan melaksanakan Waktu Bekerja Berperingkat (*modified working hours*). Sehubungan dengan itu, PPS di jabatan ini tidak lagi menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).

3. Kaedah dan Prinsip Asas Pelaksanaan Latihan Siswazah di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma

3.1 Giliran Penempatan (*Posting*) ke Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma

- 3.1.1 Penempatan PPS di jabatan ini hanya boleh dibuat setelah PPS menyelesaikan penempatan keempat dengan jayanya (sebagai penempatan kelima atau keenam).

3.1.2 Penempatan PPS di jabatan ini adalah merupakan penempatan alternatif dengan penempatan Anestesiologi, maka PPS boleh ditempatkan samada di Jabatan Perubatan Kecemasan & Trauma atau Jabatan Anestesiologi. Penentuan penempatan samada di Jabatan Perubatan Kecemasan & Trauma atau Jabatan Anestesiologi ditentukan oleh pihak hospital berdasarkan keadaan dan keperluan latihan.

3.2 Waktu Bekerja Berperingkat:

Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat bagi PPS mestilah mematuhi kaedah dan konsep asas seperti berikut :

- 3.2.1 Pada prinsipnya, waktu keseluruhan bekerja PPS mestilah mencukupi bagi memastikan pendedahan klinikal bagi setiap PPS menepati objektif dan keperluan latihan siswazah di Jabatan Perubatan Kecemasan & Trauma serta mematuhi Perintah Am bagi penjawat awam.
- 3.2.2 Tempoh minima pendedahan klinikal mestilah **tidak kurang dari 60 jam seminggu**. Penentuan sebenar jumlah minima waktu bekerja seminggu adalah tertakluk kepada budibicara Ketua Jabatan/Penyelaras berdasarkan keperluan latihan dan perkhidmatan termasuklah beban kerja (bilangan pesakit) dan pendedahan klinikal (*core clinical competency*) setiap PPS.
- 3.2.3 Waktu Bekerja Berperingkat bermaksud tugasan klinikal tidak dijalankan berterusan selama 24 jam sehari. Ini bermakna tuntutan elauan tugas atas panggilan (*on-call*) tidak boleh dibuat kerana tugasan yang dijalankan tidak berlangsung selama 24 jam secara berterusan.
- 3.2.4 Waktu Bekerja Berperingkat ditetapkan kepada 3 sesi iaitu pagi, petang dan malam :

i. Sesi Pagi

Tempoh bekerja mestilah sekurang-kurangnya **7 jam**

ii. Sesi Petang

Tempoh bekerja mestilah sekurang-kurangnya **7 jam**

iii. Sesi Malam

Tempoh bekerja mestilah sekurang-kurangnya **10 jam**

3.2.5 Setiap PPS hendaklah menjalankan sekurang-kurangnya **2 sesi malam** dalam seminggu atau **7-8 kali sesi malam** dalam tempoh satu bulan.

3.2.6 Serahan tugas oleh setiap PPS mestilah dijalankan pada setiap permulaan dan akhir sesi bagi memastikan matlamat latihan siswazah tercapai dan kesinambungan pengurusan pesakit terjamin.

3.2.7 Tertakluk kepada kepentingan latihan siswazah dan perkhidmatan, setiap PPS boleh diberikan cuti satu hari dalam seminggu tidak termasuk cuti umum.

3.2.8 Pendedahan pengajaran dan pembelajaran berterusan (*Continous Medical Education – CME*) termasuk kursus-kursus wajib mesti dijalankan sebagaimana yang dikehendaki antara lain seperti :

- i. Kursus *Basic Life Support*
- ii. CME mingguan PPS
- iii. Tutorial bersama Pakar Perubatan Kecemasan dan Trauma
- iv. *Megacode* atau *Cardiac Life Support*

3.2.9 Penyesuaian Kaedah Latihan dan Waktu Bekerja :

- i. Waktu Bekerja Berperingkat ini hendaklah **diseduaikan** di jabatan hospital masing-masing dan perlu mendapat persetujuan Jawatankuasa Latihan PPS peringkat hospital. Penyesuaian boleh dibuat antara lain berdasarkan bilangan PPS, bilangan Pegawai Perubatan (MO), beban kerja serta kemudahan yang tersedia bagi tujuan latihan siswazah jabatan ini di hospital masing-masing. Namun ia adalah tertakluk kepada prinsip asas yang dinyatakan di atas.

- ii. Giliran penempatan PPS di semua zon seperti zon triage, zon asma, zon tidak kritikal (*green zone*), zon separa kritikal (*yellow zone*), zon kritikal (*red zone*), wad pemerhatian (*observation ward*), dewan bedah, bilik prosedur dan lain-lain mestilah memenuhi keperluan '*core technical competency*' seperti yang telah ditetapkan dalam buku log.
- iii. Berikut adalah dua contoh penyesuaian jadual Waktu Bekerja Berperingkat di Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma yang boleh diadaptasi :

Contoh 1

Hari	Pagi (8.00 pg – 3.00 ptg)	Petang (3.00 ptg – 10.00 mlm)	Malam (10.00 mlm – 8.00 pg)
Isnin	✓		
Selasa	✓		✓
Rabu	off	off	off
Khamis		✓	
Jumaat	✓		✓
Sabtu		✓	
Ahad		✓	

Contoh 2

Hari	Pagi (8.00 pg – 3.00 ptg)	Petang (3.00 ptg – 10.00 mlm)	Malam (10.00 mlm – 8.00 pg)
Isnin		✓	
Selasa	✓		✓
Rabu		✓	
Khamis	✓		
Jumaat	✓		✓
Sabtu	off	off	off
Ahad		✓	

*Jumlah minima waktu bekerja : 62 jam

4. Peranan Ketua Jabatan

Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan dan Trauma bertanggungjawab memantau dan menyelia latihan siswazah setiap PPS termasuklah memastikan pengisian buku log yang dibuat oleh PPS adalah selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling KPK Bil. 11/2007 dan pekeliling lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa.